



KAMARUL IZLAN SULAIMAN

Banjir di Kajang belum selesai

KUALA LUMPUR 28 April - Masalah banjir kilat yang melanda penduduk Kajang pada tahun ini disifatkan lebih buruk berbanding tahun lalu.

Ketua Unit Perancangan Korporat dan Perhubungan Awam Majlis Perbandaran Kajang (MPKj), Kamarul Izlan Sulaiman berkata, pada tahun lalu, kejadian banjir hanya berlaku dua kali iaitu pada Mei dan September.

"Pada tahun ini, berlaku tiga kali banjir kilat iaitu pada 9 Mac, 18 April dan 22 April yang mem-babitkan kawasan yang sama di pekan Kajang.

"Bagaimanapun banjir yang berlaku pada tahun ini tidak lama iaitu kira-kira 15 minit berbanding satu jam pada tahun lalu," katanya ketika dihubungi *Utusan Malaysia*, di sini semalam.

Mengulas lanjut, Kamarul Izlan berkata, masalah banjir kilat yang berlaku di Kajang berpunca daripada aliran air dari Sungai Jerlok dan Sungai Langat yang melimpah sehingga memenuhi longkang-longkang di pusat bandar Kajang.

Beliau berkata, berikutan itu, pihaknya telah menubuhkan Pasukan Tindakan Khas MPKj serta Skuad Khas Bencana Alam MPKj (Pantas) bagi memastikan tiada penduduk yang terjejas ekoran masalah banjir.

"Kontraktor pembersihan awam juga akan diarah untuk membersihkan longkang serta memastikan pasir serta lumpur dari jalan raya dibersihkan," ujarinya.

Sementara itu, Jurutera Daerah Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS), V. Kalaiselvam berkata, pihaknya telah membina tembok setinggi 1.5 meter di sepanjang Sungai Jerlok hingga ke Plaza Metro Kajang bagi menghalang air daripada masuk ke pekan Kajang.